

Idea pelajar UPM pikat syarikat British

Serdang: Tiga pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul naib juara pertandingan kitar semula beg pendebungaan PBS International (PBS), sekali gus ditawarkan peluang merangka pelan perniagaan oleh syarikat British itu.

Mereka yang merupakan pelajar tahun akhir program kejuruteraan mekanikal ialah Goh Han Lin, Woon Xian Yang serta Teh Jun Xiong, membawa pulang hadiah wang tunai RM2,500

dan sijil penyertaan.

Melalui pertandingan itu, pelajar terbabit mencajangkan beg pendebungaan berkenaan digunakan semula untuk menanam benih pokok sebagai kaedah lebih praktikal.

Dalam cadangan mereka, turut ditunjukkan cara produk itu boleh dibersihkan bagi tujuan kitar semula sebagai beg menanam benih pokok.

Tawar pembiayaan


Seperkara menarik ialah berikutan beg pendebungaan

itu tidak terdapat di Malaysia, PBS mengirimbkannya kepada tiga pelajar terbabit bagi membolehkan mereka membuat eksperimen dan menyerahkan cadangan sebelum tarikh tamat penyertaan.

Berikutan kemenangan itu, PBS menawarkan untuk membiayai cadangan perniagaan daripada tiga pelajar berkenaan jika mendapati ia adalah bisnes yang berpotensi dan menguntungkan.

Pensyarah Kanan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan UPM, Dr Norkhairunnisa Mazlan, berkata beliau berbangga dengan pencapaian pelajar di bawah penyeliaannya itu.

Dalam konteks ini, beliau berharap pelajar berkenaan menimba ilmu merangka pelan perniagaan walaupun syarikat terbabit tidak mende-sak supaya bekerjasama



Han Lin (kiri), Xian Yang dan Jun Xiong (kanan) gembira dengan kejayaan mereka.

dengan mereka.

Beri kebebasan

"Ya cuma satu idea sama ada kami mahu bekerjasama dengan mereka (PBS). Bagaimanapun, saya memberi kebebasan kepada pelajar terbabit sama ada mereka mahu meneruskan idea itu atau tidak," katanya.

Secara keseluruhan, pertandingan itu disertai lebih 20 universiti, termasuk dari Malaysia, United Kingdom, Perancis dan Singapura.

Tempat pertama dimenangi pelajar Universiti Loughborough dari Universiti Kingdom dengan cadangan supaya beg PBS digunakan semula sebagai bahan mem-

buat genting untuk golongan kurang bernasib baik yang tinggal di kawasan setinggan.

Sementara itu, turut menyandang tempat naib juara ialah seorang pelajar Universiti Nasional Singapura yang mencadangkan beg berkenaan dikitar semula menjadi beg membuat kompos menggunakan cacing.